

angkatan tentera bersenjata seperti tentera darat, laut dan udara. Penglibatan secara langsung dalam aktiviti pemogokan, rusuhan, huru-hara atau pemberontakan.

- r) Penerbangan swasta selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam sebarang penerbangan komersial berlesen yang mengikut jadual untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- s) Sinaran pengionan atau pencemaran oleh radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear atau buangan nuklear dari proses pembelahan nuklear atau dari mana-mana bahan senjata nuklear.
- t) Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan pembayaran atau pembayaran dibuat oleh insurans lain atau indemniti yang meliputi orang yang diinsuranskan atau hilang upaya yang timbul semasa diluar tugas pejabat atau profesion yang dilindungi oleh Insurans Pampasan Tenaga Kerja (SOCSO).

7.5 Tatacara Tuntutan

Sekiranya staf membayar terlebih dahulu bil rawatan yang diterima atau staf yang menerima rawatan di Hospital Kerajaan sebagai pesakit dalam, staf boleh membuat tuntutan pembayaran rawatan tersebut dan elaun tunai harian kepada Syarikat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad melalui Jabatan Pendaftaran dengan seberapa segera serta menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- i) Mengisi borang tuntutan yang lengkap yang boleh didapati di Jabatan Pendaftaran.
- ii) Salinan kad pengenalan kakitangan atau ahli atau orang yang membuat tuntutan.
- iii) Laporan polis jika kemalangan.
- iv) Bil-bil dan resit bayaran asal.
- v) Lain-lain dokumen jika perlu.

e) Rawatan gangguan tidur dan masalah berdengkur, terapi hormon ganjil bagi gangguan menopause dan terapi alternatif seperti perubahan, perkhidmatan perubatan dan peralatan tetapi tidak terbatas kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akupresur, refleksiologi, tatacara tulang, rawatan herba, urut, atau aromaterapi atau rawatan alternatif lain.

f) Rawatan atau pembedahan untuk keadaan kongenital abnormal atau kecacatan pada tubuh termasuk keadaan turun-temurun.

g) Rawatan untuk kegemukan, menurunkan berat badan atau mengawal berat badan.

h) Perbelanjaan ditanggung untuk pendermaan mana-mana organ badan oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos-kos pemerolehan organ termasuk kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ.

i) Perbelanjaan untuk sebarang jenis berkhatahan selain daripada sebab penyakit atau jangkitan.

j) Kos pembedahan kosmetik untuk tujuan kecantikan atau pembedahan plastik.

k) Pembiayaan kos yang dikeluarkan untuk perubahan jantina.

l) Rawatan kepada orang yang kurang siaman, mengalami gangguan saraf atau mental (termasuk sebarang neurosis dan perubahan fisiologi mereka atau pernyataan psikosomatik).

m) Perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan seperti televisyen, telefon, perkhidmatan fax, radio atau kemudahan seumpamanya dan item lain yang tidak bersifat perubatan kecuali setelah ternyata di dalam perlindungan insurans.

n) Rawatan untuk pemulihan akibat keletihan fikiran, penjagaan rehat, pengagihan dadah atau arak, penjagaan jururawat swasta atau khusus, pengasingan atau pengkuarantina seperti yang dikehendaki oleh undang-undang pada masa wabak penyakit.

o) Penyakit kelamin, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau ARC (Berkaitan AIDS Kompleks) dan penyakit berkaitan HIV.

p) Bunuh diri, percubaan membunuh diri, kecederaan sengaja ditimbulkan semasa waras atau tidak siaman.

q) Kecederaan atau penyakit yang terjadi secara langsung atau akibat peperangan (sama ada diisytihar atau tidak), semasa bekerja dalam